



# **MAJLIS PELANCARAN TEMAN USAHAWAN PEKEBUN KECIL PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

## **TALKING POINTS**

**YANG BERTAMBAH DATO'SERI ABDUL AZIZ SHAMSUDDIN**  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

DEWAN MAJLIS BANDARAN SHAH ALAM (MBSA),  
SEKSYEN 11, SHAH ALAM  
28 FEBRUARI 2008

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berhormat Senator Tan Sri Muhammad bin Mohammad Taib  
Pengerusi RISDA

Yang Berhormat Dato' Ahmad Nawawi bin M. Zain  
Exco Pendidikan, Sukan, Pembangunan Insan dan Penerangan  
Negeri Selangor

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

En. Nasarudin bin Malek,  
Pengarah RISDA Negeri Selangor

Ketua-Ketua Jabatan Dan Agensi

Jawatankuasa dan ahli-ahli Teman Usahawan Pekebun Kecil  
Negeri Selangor

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

## **1.0 PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin Nya, kita dapat bersama-sama di Majlis Pelancaran Penubuhan Teman Usahawan Pekebun kecil Peringkat Negeri Selangor pada hari ini. Dengan terlaksananya program ini, bermakna satu lagi kemudahan

4

yang disediakan oleh Kementerian akan dinikmati oleh usahawan-usahawan pekebun kecil.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak RISDA yang telah memberi banyak kerjasama kepada saya dan juga atas kesudian menjemput saya ke Majlis ini.

## **2.0 PENEKANAN KERAJAAN KE ATAS PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

Pengumuman RMK ke 9 pada 30 Mac 2006 telah memberi nafas baru kepada masyarakat Luar Bandar. Kita boleh

5

melihat ada satu perspektif baru yang memberikan perhatian dan keutamaan baru kepada pembangunan desa. Misi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah supaya kawasan luar bandar di Malaysia menjadi kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan dengan masyarakatnya yang progresif, sejahtera dan cemerlang. Dalam bidang ekonomi, Kementerian ini bertanggungjawab untuk menjana dan mempelbagaikan aktiviti ekonomi desa dengan harapan dapat menarik lebih ramai penduduk untuk tinggal di luar bandar di samping berusaha bagi mengurangkan penghijrahan ke bandar.

6

Bagi tujuan meningkatkan ekonomi desa, Kementerian dipertanggungjawabkan untuk memajukan industri luar bandar khususnya meningkatkan bilangan usahawan di luar bandar.

### **3. SENARIO INDUSTRI GETAH MASAKINI**

Senario industri getah sekarang berada dalam tahap yang membanggakan dengan kenaikan harga getah dalam pasaran global. Pengeluaran getah negara adalah 1,200,949 MT. Daripada pengeluaran ini, 94.1 % atau 1,130,093 MT adalah dikeluarkan oleh pekebun kecil dan 5.9 % atau 70,856 MT

7

adalah dari estet. Dari segi keluasan pula, jumlah keluasan getah adalah 1.26 juta hektar di mana pekebun kecil memiliki 95 % ( 1,201,700 hektar) dan estet memiliki 5 % (59,000 hektar). Bagi tahun 2007, Kuantiti eksport negara adalah 1,200,949 MT bernilai RM 7.3 billion.

Berdasarkan kepada perangkaan tahun 2007, terdapat seluas 4.3 juta hektar kawasan bertanam sawit di Malaysia. Produktiviti kebangsaan buah tandan sawit (BTS) telah mencapai kepada purata 19.03 MT per hektar berbanding 19,60 MT per hektar pada tahun 2006. Malaysia menduduki tempat kedua selepas Indonesia sebagai negara pengeksport minyak sawit di dunia.

8

Sebanyak 14,427,000 MT dalam tahun 2007 telah di eksport dengan nilai eksport RM 45.1 billion. Ini di dorong oleh peningkatan produktiviti ladang di samping peningkatan harga komoditi.

#### **4. HARGA KOMODITI GETAH DAN SAWIT**

Dengan peningkatan harga getah, harga purata bulanan berada dalam lingkungan 734.06 sen sekilogram, satu tahap yang tidak pernah dikecapi sebelum ini. Getah SMR 20 pada bulan Januari 2008 adalah 824.53 sen sekilogram. Pada 26 Februari 2008 harga

getah SMR 20 telah mencecah 884.5 sen sekilogram. Harga getah di jangka naik kerana pengeluaran berkurangan di negara pengeluar Thailand, Indonesia dan Malaysia. Di masa yang sama semua negara mengalami musim panas dan kering di beberapa kawasan yang mengurangkan pengeluaran lateks dari pokok. Kenaikan harga minyak mentah menyumbang kepada kenaikan harga getah asli. Minyak mentah merupakan asas kepada getah tiruan dan akan menyebabkan kenaikan harga getah tiruan dan pembeli di jangka beralih ke getah asli dan menyebabkan permintaan terhadap getah asli terus meningkat. Terdapat juga permintaan dari pembeli tempatan dan luar negara kerana

menjangka pengeluaran akan berkurangan disebabkan oleh cuaca kering.

**Harga Sawit** BTS (Buah Tandan Sawit) pada tahun 2007 telah naik 70.45 % dari tahun 2006. Harga purata Sawit bagi bulan Januari 2008 adalah RM 3,221.00 per MT bagi MSM. Pada 26 Februari 2008, harga sawit telah melonjak naik ke RM3,800.00 per MT bagi MSM. Harga sawit juga dijangka akan naik kerana permintaan meningkat dari China dan India. Pengeluaran minyak Soya berkurangan kerana cuaca yang tidak menentu di China dan di Amerika, banjir dan ribut salji telah memusnahkan tanaman.

11

Dollar US yang lemah juga telah menyumbang kepada kenaikan harga sawit. Harga dijangka akan terus naik jika US semakin lemah dan akan menjejaskan pasaran ekuiti. Pelabur akan beralih ke pasaran komoditi.

## **5. RISDA KE FUNGSI ASAL '*BACK TO BASIC*'**

RISDA perlu kembali ke fungsi asal penubuhan RISDA pada tahun 1973 iaitu dengan memberi penekanan kepada basic target Group iaitu pekebun kecil, Basic Crop iaitu tanaman getah, Basic Function iaitu Tanam semula, pengembangan, pengeluaran,

12

pemrosesan dan pemasaran dan Basic Delivery System iaitu bekalan dan perkhidmatan yang di beri memuaskan hati pelanggan. Dengan cara ini akan dapat membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan dan seterusnya mereka akan hidup dalam suasana yang lebih selesa dan sejahtera.

## **6. LATIHAN UNTUK PEKEBUN KECIL**

RISDA telah diminta untuk memperkasakan pekebun kecil dengan ilmu pengetahuan selaras dengan pembangunan modal insan yang di beri penekanan oleh Kerajaan untuk masyarakat luar

13

Bandar. Untuk itu RISDA telah wujud kembali Bahagian Latihan dan juga menubuhkan 3 buah Institut Kemajuan Pekebun Kecil serta RISTEC di Port Dickson khusus untuk memberi latihan teknikal dan pengurusan ladang. Adalah diharapkan semua pekebun kecil khususnya pemilik pengusaha akan sentiasa mendapat maklumat mengenai tanaman getah dan sawit dengan lebih baik.

## **7. PENEKANAN KEPADA KONSEP PENDAMPING**

14

Konsep Pendamping bermaksud bahawa RISDA komited untuk membantu dan membangunkan masyarakat pekebun kecil dengan lebih baik. Pekebun kecil di bimbing, di latih, di didik dan juga di beri tunjukajar sehingga mereka boleh menerima sebarang teknologi, pendekatan ataupun perubahan sikap kearah yang lebih positif. Setiap Pegawai Luar RISDA telah diarah untuk menjalankan tugas sebagai Pendamping terutama bagi Pekebun Kecil miskin tegar sehingga dapat keluar dari kelompok miskin tegar. Pada tahun 2007, seramai 609,877 orang pekebun kecil telah berjaya di dampingi.

15

## **8. PEMBASMIAN KEMISKINAN**

Mulai tahun 2006, KKLW begitu serius untuk membasmi kemiskinan di Luar Bandar. Selaras dengan ini, RISDA sebagai agensi di bawah KKLW, telah melaksanakan beberapa program yang bersesuaian seperti Program Tanam Semula, Program Peningkatan Produktiviti (PPG) dan Aktiviti Ekonomi Tambahan(AET). Sehingga akhir tahun 2007, daripada seramai 2392 orang Miskin Tegar dikalangan Pekebun kecil, seramai 2364 atau 98.8 % orang telah berjaya dikeluarkan dari kelompok miskin

16



tegar. Tinggal hanya 28 orang sahaja lagi. Manakala bagi pekebun kecil miskin pula telah dapat dikurangkan seramai 3,362 orang daripada 7,817 orang. Ini bermakna baki pekebun kecil yang tergolong dalam kelompok miskin ialah seramai 2,200 orang sahaja.

## **9. PENINGKATAN PRODUKTIVITI**

17

Usaha-usaha untuk meningkatkan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun telah dilaksanakan secara terancang dan teratur supaya kebun getah dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh 4 1/2 tahun dan mengeluarkan hasil tidak kurang daripada 2,000 kg/hek/tahun manakala bagi sawit, hasil dapat diperolehi dalam tempoh 2 1/2 tahun dan mengeluarkan hasil tidak kurang 20 mt/hek/tahun. Sehingga 2007, purata produktiviti pekebun kecil getah telah meningkat daripada RM 1,372 kg/hektar/tahun kepada 1,599 kg/hek/tahun.

## **10. PENUBUHAN KELAB 2000 DAN KELAB 30**

18

Bermula tahun 2007, RISDA telah menubuhkan Kelab 2000 untuk getah dan Kelab 30 untuk sawit bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil berusaha dengan gigih untuk memastikan mereka mengamalkan amalan pertanian yang baik (Good Agricultural Practices). Kebun mereka dalam keadaan yang bersih dan pokok sentiasa di baja. Kebun-kebun yang di toreh pula mengamalkan penggunaan alatan rangsangan yang telah disyorkan.

## **11. PENINGKATAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL**

19

Sehingga 2007, purata pendapatan pekebun kecil getah telah meningkat daripada RM758.12 sebulan kepada RM1,553.00 sebulan. Kenaikan ini selain daripada kesan kenaikan harga, juga merupakan kesan daripada program pengurusan ladang yang cekap, amalan pertanian yang baik oleh pekebun kecil.

## **12. PELAKSANAAN IMPIAN 500**

Mulai tahun 2008, RISDA telah mewajibkan kepada semua pekebun kecil yang akan menanam semula kebun mereka dengan tanaman getah dikehendaki menanam pokok getah dengan bilangan melebihi 550 pokok setiap hektar. Tindakan

20

seumpama ini penting bagi memastikan supaya kebun-kebun tersebut mengadungi bilangan pokok tidak kurang daripada 500 pokok ketika mula membuka tapak torehan atau bila dibayar bantuan terakhir.

Jika berlaku kekurangan dalam tempoh tersebut, RISDA akan membantu pekebun kecil supaya menyulam pokok yang mati dengan pokok yang lain. Bilangan pokok getah dalam sesebuah kebun penting kerana ia menjadi salah satu faktor penentu kepada jumlah produktiviti atau pengeluaran yang dihasilkan oleh sesebuah kebun berkenaan.

## **12. PROGRAM TUISYEN DESA**

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9), khususnya mulai tahun 2007 hingga tahun 2010, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta kepada RISDA untuk melaksanakan program tuisyen desa. Sebanyak 50 pusat tuisyen desa telah diwujudkan di seluruh negara. Tumpuan diberi kepada anak-anak pekebun kecil yang akan mengambil peperiksaan SPM dan tergolong dalam kelompok miskin tegar dan miskin yang tinggal di luar bandar.

### **13. PEMBEKALAN BENIH SECARA LEBIH BERKESAN**

RISDA telah merancang dan melaksanakan penyediaan benih melalui tapak semaian *transit* dan *in-situ* yang kedudukannya jauh daripada tapak semaian pusat. Tumpuan diberikan kepada kawasan yang banyak bertanam dengan getah. Dengan cara ini akan dapat mengurangkan kos penyediaan benih dan secara langsung akan dapat mengurangkan harga benih kepada pekebun kecil. Tapak semaian seumpama itu juga akan memberi kemudahan kepada pekebun kecil untuk mendapatkan benih sulaman atau gantian dan keperluan lain yang kuantitinya tidak banyak.

23

### **14. PROJEK 'AGROPOLITAN' MENJADI WAHANA UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN**

'*Agropolitan*' adalah merupakan satu konsep untuk membangunkan kawasan mundur, terpencil dan terbiar secara bersepadu sebagai kota pertanian yang berkembang melalui perkembangan kegiatan pertanian, perniagaan dan pemprosesan yang berasaskan pertanian. Pelaksanaan projek seumpama ini adalah merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar. Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan seramai 10,000 orang miskin tegar dari penduduk luar bandar.

24

RISDA merupakan salah satu Agensi KKLW yang terlibat secara langsung untuk membangun dan memajukan projek 'agropolitan'. Saat ini sebanyak lima (5) buah projek 'agropolitan' telah dikenalpasti untuk dimajukan oleh RISDA. Dua daripadanya telah pun bermula, iaitu projek di Gahai (800 orang peserta dengan keluasan 223.00 hektar), Kuala Lipis, Pahang dan projek Ganda (400 orang peserta dengan keluasan 1,231.00 hektar), Grik, Perak. Sementara tiga (3) lagi iaitu (a) di Setiu (melibatkan seramai 800 orang peserta dengan keluasan 2,461.00 hektar), Terengganu; (b) Pekan (200 orang peserta

25

dengan keluasan 1,000.00 hektar), Pahang dan (c) Pelangai (425 orang peserta dengan keluasan 1,310.00 hektar), Pahang sedang dalam peringkat perancangan.

## **15. PEMAJU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL (PMPK)**

Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil (PMPK) adalah merupakan seorang pemimpin tempatan dari kalangan pekebun kecil yang terpilih untuk menjadi agen perubahan dan membantu RISDA melaksanakan program-program pembangunan yang telah dirancang di satu-satu tempat. Di bawah RMK 9, sejumlah

26

RM7 juta telah disediakan peruntukan untuk melantik seramai 700 orang PMPK. Mereka akan menerima elaun bulanan sebanyak RM200 sebulan.

## **16.MEMPERBAIKI SISTEM PENYAMPAIAN**

Pengurusan RISDA telah memberi penekanan kepada sistem penyampaian yang bertujuan untuk mempercepatkan lagi urusan memproses permohonan dan bayaran bantuan tanam semula. Buat permulaan, lima perkara telah diberi perhatian, iaitu:

27

- a. Kelulusan memproses permohonan tanam semula dalam tempoh 14 hari.
- b. Bayaran bantuan tanam semula semasa dalam tempoh 14 hari.
- c. Bayaran bantuan tanam semula berturut dalam tempoh 12 hari.
- d. Bekalan benih kepada pekebun kecil dalam tempoh 15 hari.
- e. Bekalan baja dalam tempoh 14 hari.

28

## **17.PROGRAM PPPH UNTUK KEMUDAHAN PEKEBUN KECIL MEMASARKAN HASIL KOMODITI**

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM8 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Pemasaran Hasil (PPPH) di bawah RMK 9. Ada dua komponen utama dalam pembangunan PPPH, iaitu Pusat Timbang dan Setor (PTS) dan Pusat Pengeluaran Produk Pekebun Kecil (PPPK). Kedua-dua pusat tersebut memberi kemudahan kepada pekebun kecil secara berkumpulan untuk memasarkan hasil.

29

Memalui PTS, cara jualan getah boleh dilaksanakan secara kelompok dan pemasarannya diaturkan melalui sistem tender. Dengan cara ini pekebun kecil akan mendapat harga yang lebih baik. Untuk produk-produk lain, PPPK boleh digunakan sebagai tempat untuk mengumpulkan produk berkenaan sebelum ianya dipasarkan.

30

## **18.PELAKSANAAN KAEDAH PEMASARAN SECARA 'SUPER DEALER'**

YB Menteri memberi perhatian yang serius dalam urusan pemasaran komoditi getah dan sawit. RISDA diminta memberi penekanan kepada jualan secara kelompok. Depo pembelian getah yang dibina dengan menggunakan peruntukan di bawah Program Peningkatan Produktiviti (PPG) merupakan peringkat pertama untuk mengwujudkan jualan getah secara berkelompok.

Getah-getah pekebun kecil daripada projek-projek berkumpulan dikumpul di depo-depo belian yang urusan jualan dilakukan secara tender. Koperasi Pekebun Kecil Negeri atau Daerah (KPK) atau RPSB boleh memainkan peranan dalam urusan belian getah atau sawit pekebun kecil. Produk-produk berkenaan kemudian dikumpulkan di pusat-pusat timbang dan setor yang berhampiran yang kebanyakannya dibina di kawasan-kawasan yang banyak bertanam getah atau sawit. Dengan kuantiti produk yang banyak, KPK atau RPSB boleh berurusan terus dengan kilang getah atau sawit. Urusan pemasaran seumpama ini



akan mewujudkan '*super dealer*' dari kalangan KPK arau RPSB.

## **21. PELAN INDUK PEMBANGUNAN USAHAWAN LUAR BANDAR (PIPUL)**

## **22.SKIM PEMBIAYAAN EKONOMI DESA (SPED)**